

# ZPP peruntuk lebih RM6.9 juta biayai 8 PHZ

Beri keselesaan kepada pesakit dialisis dalam kalangan asnaf

GEORGE TOWN



Zakat Pulau Pinang (ZPP) memperuntukkan lebih RM6.9 juta bagi membiayai lapan buah Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) yang boleh dimanfaatkan oleh golongan asnaf fakir dan miskin di negeri ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, PHZ yang mula beroperasi sejak 2001 memberikan rawatan dan perkhidmatan dialisis secara percuma kepada asnaf yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang.

Menurutnya, dengan peningkatan pesakit buah pinggang dalam kalangan golongan fakir dan miskin pada masa kini pastinya memerlukan perancangan serta pelan jangka masa pendek dan panjang dirangka oleh ahli lembaga pengarah MAINPP.

"Ia bertujuan untuk memastikan PHZ dapat memberikan khidmat terbaik kepada pesakit selaras dengan moto ZPP iaitu 'Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela'.

"Melihat kepada perkembangan PHZ sejak 2001 sehingga kini di mana kita telah mempunyai lapan cawangan pusat hemodialisis di seluruh Pulau Pinang maka sudah pastinya peningkatan pesakit juga meningkat dari semasa ke semasa.



Mohamad (kanan) ketika melakukan lawatan ke salah satu pusat PHZ, baru-baru ini.

"Bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat terus diberikan, ZPP berhasrat untuk menaiktaraf semua premis PHZ bagi memberi keselesaan kepada pesakit selain menambah kapasiti bilangan mesin hemodialisis di cawangan PHZ yang terlibat," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, di sini baru-baru ini.

Mohamad yang juga Pengerusi ZPP berkata, pihaknya juga berhasrat membuat gantian mesin dan peralatan dialisis yang uzur dan melebihi tempoh penggunaan optimum di semua lapan cawangan PHZ seluruh Pulau Pinang.

Jelasnya, dengan meningkatkan mutu serta kualiti perkhidmatan di PHZ ia sekali gus akan melancarkan operasi selain dapat memaksimumkan bilangan pesakit yang menerima manfaat mengikut kapasiti di semua cawangan PHZ.

Bagi pelan jangka masa panjang kita menasaskan untuk memaksimumkan jumlah pesakit dikalangan asnaf fakir dan miskin yang boleh memanfaatkan

perkhidmatan yang disediakan di PHZ ini.

"Kita juga berhasrat untuk menambah lebih ramai pegawai perubatan dalam bidang hemodialisis zakat ini dengan harapan dapat menjadi contoh terbaik dalam industri perkhidmatan dialisis sebagai satu projek dibawah seliaan ZPP," kata Mohamad.

Bagaimanapun Mohamad berkata, tanpa sokongan berterusan Muzakki atau pembayar zakat di negeri itu, ia mungkin akan melambatkan usaha serta perancangan ZPP.

Beliau berharap para muzakki agar terus membayar zakat melalui ZPP kerana ia merupakan tunjang utama agihan bagi skim perkhidmatan asnaf yang dapat dilaksanakan oleh PHZ.

"Bagi penerima zakat terutamanya pesakit dialisis bersyukur dengan nikmat pemberian ini dan hargailah dengan mengikut segala nasihat dan tunjuk ajar oleh doktor mengenai kesihatan selama mana mendapat bantuan dialisis di PHZ," tambah Mohamad.

## INFOGRAFIK

### Antara syarat-syarat permohonan

- Beragama Islam.
- Warganegara Malaysia.
- Bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya tiga bulan.
- Disahkan menghidap penyakit kegagalan fungsi ginjal peringkat akhir.
- Tidak menghidap penyakit kronik yang berjangkit.

### Cara Permohonan

- Permohonan melalui borang yang disediakan ZPP.
- Borang boleh diambil di mana-mana kaunter ZPP yang berdekatan.
- Surat pengesahan doktor dan agensi penaja diperlukan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), VETERAN dan sebagainya.

Untuk maklumat lanjut boleh layari [www.zakatpenang2u.com](http://www.zakatpenang2u.com) atau ke Pejabat ZPP berdekatan.

### Cawangan PHZ

- PHZ cawangan Butterworth
- PHZ cawangan Balik Pulau
- PHZ cawangan Bukit Mertajam
- PHZ cawangan Nibong Tebal
- PHZ cawangan Georgetown
- PHZ cawangan Kepala Batas
- PHZ cawangan Tasek Gelugor
- PHZ cawangan Bayan Lepas

“

Bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat terus diberikan, ZPP berhasrat untuk menaiktaraf semua premis PHZ bagi memberi keselesaan kepada pesakit selain menambah kapasiti bilangan mesin hemodialisis di cawangan PHZ yang terlibat.”

- Mohamad

